

20/09/1998

Ghafar yakin wujud pakatan sulit

MELAKA: Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba percaya DAP ada pertalian sulit dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim serta kemungkinan banyak mendapat rahsia kerajaan.

Katanya, jika tidak, masakan Anwar dengan serta-merta boleh berkawan dengan DAP selepas dipecat jawatan daripada kerajaan serta Umno.

"Saya percaya mereka ada pertalian sulit dari dahulu lagi dan mungkin DAP banyak mendapat rahsia kerajaan melalui Anwar," katanya selepas majlis penerangan isu kegawatan ekonomi serta politik di Ayer Keroh dekat sini, semalam.

Menurut beliau, tindakan Anwar berkempen adalah perbuatan tidak sihat walaupun mempunyai forum menerangkan rasa tidak puas hati di mahkamah.

Sebaliknya, tegas beliau, Anwar memberontak apabila diberhentikan walaupun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri boleh melantik atau memecat sesiapa sebagai menteri tanpa sebab.

"Saya percaya Perdana Menteri mengambil tindakan atas sebab kukuh dan kita mesti memberi kepercayaan kepada pucuk pimpinan kerana ada sesetengah perkara boleh disebut kepada orang ramai dan ada sesetengahnya tidak," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Mohd Ali Rustam, berkata Anwar sanggup bersekongkol dengan DAP kerana merasakan mendapat sokongan berikutan ramai yang hadir dalam ceramahnya.

Katanya, kehadiran orang ramai sebenarnya hendak mendengar apa yang Anwar sampaikan kerana sebagaimana biasa jika ada sesuatu kes baru, orang suka mendengar tetapi akhirnya akan tahu perkara sebenar atau tidak.

"Anwar tidak sabar dan hilang punca setiap kali kemukakan pandangan, termasuk meminta Perdana Menteri meletakkan jawatan.

"Anwar nampak terdesak dan saya percaya ahli Umno dan orang ramai tidak memberi perhatian kepada perkara ini kerana Anwar mahu memesongkan keadaan sebenar," katanya.

(END)